

PERSEPSI BELIA TERHADAP IMEJ DAN IDENTITI NEGERI PERLIS SERTA KECENDERUNGAN UNTUK KEKAL ATAU BERHIJRAH SELEPAS TAMAT PENGAJIAN

Mariam Idris*, Nuraini Abdullah, Nadiyah Mahmad Nasir, Nur Aisya Roslan, Nur Azila Azahari

*Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kampus UniCITI Alam, 02100
Padang Besar, Perlis, Malaysia*

**mariamidris@unimap.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka persepsi belia terhadap imej dan identiti Negeri Perlis serta memahami kecenderungan mereka untuk kekal menetap atau berhijrah selepas tamat pengajian. Perlis mempunyai identiti visual dan budaya yang tersendiri melalui landskap sawah padi, kawasan ekopelancongan, produk ikonik Harumanis serta kehidupan komuniti yang lebih tenang. Namun, isu penghijrahan golongan belia khususnya graduan selepas tamat pengajian menjadi salah satu cabaran dalam pembangunan modal insan negeri. Kajian berkaitan migrasi belia sering memberi tumpuan kepada faktor ekonomi seperti peluang pekerjaan, pendapatan dan pembangunan infrastruktur. Namun, kajian masih kurang memberi perhatian kepada imej sesuatu tempat, pengalaman budaya masyarakat dan makna yang dikaitkan dengan sesuatu tempat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dan kaedah rangsangan imej melibatkan pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Data kajian akan dianalisis menggunakan analisis tematik bagi memahami tafsiran belia terhadap imej dan identiti Perlis serta faktor yang membentuk kecenderungan mereka untuk kekal atau berhijrah. Kajian ini dijangka meneroka bagaimana persepsi belia terhadap Perlis dibentuk melalui pemaknaan terhadap nilai ketenangan, identiti budaya dan rasa kepunyaan terhadap sesuatu tempat. Pada masa yang sama, pertimbangan terhadap peluang kerjaya dan pembangunan turut mempengaruhi pilihan masa depan belia. Kajian ini memberikan pemahaman baharu terhadap kecenderungan migrasi belia melalui perspektif budaya visual serta menyumbang kepada perbincangan berkaitan pembangunan sosioekonomi dan pengekalan bakat muda di Negeri Perlis.

Kata Kunci: Budaya, Visual, Belia, Migrasi, Perlis.

PENGENALAN

Negeri Perlis merupakan negeri terkecil di Malaysia. Negeri ini mempunyai imej visual dan identiti sosiobudaya yang tersendiri (Man & Isam, 2024). Keunikan tersebut dapat dilihat melalui landskap sawah padi yang luas, bukit batu kapur serta kehidupan masyarakat desa yang masih mengekalkan budaya tempatan (Musa, 2025). Gabungan ciri-ciri ini menghasilkan identiti visual yang membezakan Perlis daripada negeri-negeri lain di Malaysia.

Identiti tempat yang kukuh bukan sahaja memberi nilai kepada sesebuah kawasan, malah mempengaruhi cara individu melihat, menghargai dan membina hubungan dengan tempat tersebut. Hubungan ini menjadi semakin penting dalam usaha pembangunan wilayah kerana persepsi terhadap sesebuah negeri boleh mempengaruhi keputusan seseorang untuk terus menetap, bekerja atau berhijrah. Dalam konteks pembangunan wilayah, pengekalan bakat muda atau belia merupakan salah satu penunjuk aras keupayaan sesebuah negeri menjana pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan inovasi secara berterusan (Ibrahim *et al.*,

2024). Kehadiran golongan muda yang berkemahiran dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan, meningkatkan daya saing wilayah serta memperkuat pembangunan ekonomi setempat. Sebaliknya, penghijrahan golongan muda ke negeri lain boleh menyebabkan kehilangan modal insan yang berpotensi, sekali gus menjejaskan pembangunan jangka panjang sesebuah negeri (Sualman, 2024).

Pengekalan bakat muda menjadi cabaran yang dihadapi oleh banyak negeri di Malaysia, termasuk negeri yang mempunyai saiz ekonomi dan peluang pekerjaan yang lebih terhad. Ramai belia memilih untuk berhijrah ke negeri lain selepas menamatkan pengajian bagi mendapatkan peluang pekerjaan, pendapatan dan pembangunan kerjaya yang lebih baik. Keadaan ini menyebabkan negeri asal kehilangan modal insan yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial. Oleh itu, usaha memahami faktor yang mempengaruhi kecenderungan belia untuk terus menetap atau berhijrah menjadi semakin penting dalam perancangan pembangunan wilayah.

Perlis turut berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan golongan muda yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan negeri. Dalam konteks ini, mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merupakan kumpulan yang sesuai dijadikan fokus kajian kerana mereka telah tinggal di Perlis sepanjang tempoh pengajian. Pengalaman tersebut memberi peluang kepada mereka untuk mengenali persekitaran, budaya masyarakat dan kehidupan harian di negeri ini. Pendedahan yang diperoleh sepanjang tempoh pengajian membolehkan mahasiswa membentuk persepsi yang lebih menyeluruh terhadap imej dan identiti Negeri Perlis.

Persepsi yang terbentuk terhadap sesebuah negeri boleh mempengaruhi kecenderungan seseorang untuk terus menetap atau berhijrah selepas menamatkan pengajian. Walau bagaimanapun, hubungan antara persepsi terhadap imej negeri, identiti tempat dan kecenderungan untuk kekal masih kurang diberi perhatian, khususnya dalam konteks Negeri Perlis. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti persepsi mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terhadap imej dan identiti Negeri Perlis serta hubungannya dengan kecenderungan mereka untuk terus menetap atau berhijrah selepas tamat pengajian.

SOROTAN LITERATUR

Budaya Visual dan Identiti Tempat

Identiti tempat merupakan konsep yang menerangkan hubungan antara individu dengan sesuatu tempat melalui pengalaman, interaksi dan makna yang terbentuk sepanjang tempoh tertentu (Siregar *et al.*, 2022). Hubungan ini melibatkan aspek psikologi, emosi dan sosial yang mempengaruhi cara seseorang melihat serta menghargai sesuatu persekitaran. Identiti tempat tidak hanya merujuk kepada lokasi fizikal, tetapi turut melibatkan pengalaman hidup dan kenangan yang dikaitkan dengan tempat tersebut. Setiap individu boleh membentuk identiti tempat yang berbeza walaupun berada dalam persekitaran yang sama. Perbezaan ini dipengaruhi oleh latar belakang, pengalaman dan tahap interaksi dengan sesuatu tempat (Idris *et al.*, 2023). Semakin lama seseorang berada di sesuatu kawasan, semakin tinggi kemungkinan hubungan tersebut terbentuk. Hubungan ini seterusnya mempengaruhi rasa memiliki, keselesaan dan keterikatan terhadap tempat berkenaan. Oleh sebab itu, identiti tempat sering dikaitkan dengan persepsi individu terhadap sesebuah kawasan (Idris & Marzuki, 2021).

Budaya visual merujuk kepada semua bentuk imej, simbol, landskap dan objek yang dapat dilihat serta ditafsirkan oleh masyarakat Omar *et al.*, 2026). Elemen visual menjadi medium penting dalam menyampaikan maklumat, nilai dan identiti sesuatu komuniti. Setiap tempat mempunyai ciri visual yang berbeza bergantung pada sejarah, budaya dan keadaan

persekitarannya. Ciri-ciri tersebut membentuk gambaran yang membezakan sesuatu tempat daripada tempat lain. Individu akan mentafsir imej yang dilihat berdasarkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada. Tafsiran tersebut membentuk persepsi terhadap sesuatu tempat. Oleh itu, budaya visual bukan sekadar melibatkan aspek estetika, malah memainkan peranan dalam pembentukan identiti tempat. Hubungan antara budaya visual dan identiti tempat semakin mendapat perhatian dalam pelbagai bidang penyelidikan.

Dalam konteks budaya Melayu, alam semula jadi merupakan sumber utama pembentukan budaya visual. Unsur seperti sawah padi, sungai, gunung, pokok dan tumbuh-tumbuhan sering diterjemahkan dalam pelbagai bentuk seni dan reka bentuk tradisional. Elemen-elemen tersebut dapat dilihat dalam seni ukiran, anyaman, tekstil, seni bina dan hasil kraf tempatan. Penggunaan unsur alam bukan sekadar untuk tujuan hiasan, tetapi turut membawa makna yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat. Hubungan yang rapat antara manusia dan alam telah membentuk cara masyarakat Melayu memahami serta menghargai persekitaran mereka. Nilai tersebut diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Oleh itu, budaya visual Melayu mencerminkan hubungan yang erat antara identiti budaya dan identiti tempat.

Budaya visual turut mempengaruhi cara individu membentuk persepsi terhadap sesuatu tempat. Persepsi tersebut terbina melalui pengalaman melihat, menggunakan dan berinteraksi dengan persekitaran. Landskap, seni bina, warisan budaya dan aktiviti masyarakat menjadi antara elemen yang membentuk pengalaman visual seseorang. Pengalaman ini menghasilkan makna tertentu terhadap tempat yang didiami atau dikunjungi. Persepsi yang positif mampu meningkatkan rasa bangga dan keterikatan terhadap sesuatu kawasan. Sebaliknya, persepsi yang negatif boleh mengurangkan keinginan seseorang untuk terus berada di tempat tersebut. Oleh itu, budaya visual menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada pembentukan identiti tempat.

Dalam konteks kajian ini, budaya visual dan identiti tempat menjadi asas untuk memahami persepsi mahasiswa terhadap Negeri Perlis. Mahasiswa bukan sahaja melihat landskap fizikal negeri ini, malah turut mengalami kehidupan harian, budaya masyarakat dan suasana persekitarannya sepanjang tempoh pengajian. Pengalaman tersebut membentuk persepsi terhadap imej dan identiti Negeri Perlis. Persepsi yang terbentuk berpotensi mempengaruhi penilaian mereka terhadap negeri ini sebagai tempat untuk tinggal atau bekerja selepas tamat pengajian. Oleh itu, pemahaman terhadap hubungan antara budaya visual dan identiti tempat adalah penting bagi menjelaskan kecenderungan mahasiswa untuk terus menetap atau berhijrah. Perbincangan ini menjadi asas kepada pembentukan kerangka konseptual dan analisis dalam kajian ini.

Migrasi Belia dan Pembangunan Sosioekonomi

Migrasi belia merupakan fenomena yang sering dikaitkan dengan perubahan sosial, ekonomi dan pembangunan wilayah (Sahari *et al.*, 2025). Golongan belia khususnya graduan cenderung melakukan perpindahan dari kawasan asal ke lokasi lain bagi mendapatkan peluang pendidikan, pekerjaan dan peningkatan taraf hidup. Dalam kajian migrasi, keputusan seseorang untuk berpindah sering diuraikan melalui konsep faktor tolakan dan faktor tarikan. Faktor tolakan merujuk kepada keadaan di tempat asal yang mendorong seseorang untuk meninggalkan kawasan tersebut, manakala faktor tarikan merujuk kepada ciri-ciri kawasan baharu yang menarik seseorang untuk berhijrah. Kedua-dua faktor ini saling berkaitan dalam membentuk keputusan migrasi seseorang individu. Dalam konteks belia berpendidikan tinggi, keputusan untuk berhijrah sering dipengaruhi oleh pertimbangan terhadap peluang pembangunan kerjaya dan masa depan.

Bagi negeri yang mempunyai ciri luar bandar atau separa bandar seperti Perlis, peluang pekerjaan yang terhad dalam sektor tertentu boleh menjadi antara faktor yang mendorong penghijrahan golongan muda. Kekurangan industri berteknologi tinggi, peluang pekerjaan profesional yang terhad dan struktur pasaran kerja yang kecil boleh mempengaruhi persepsi belia terhadap potensi pembangunan kerjaya di negeri asal. Keadaan ini menyebabkan sebahagian graduan memilih untuk mencari peluang di kawasan yang menawarkan lebih banyak pilihan pekerjaan. Bandar utama seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang sering menjadi destinasi pilihan kerana mempunyai kepelbagaian sektor ekonomi, jaringan profesional yang lebih luas dan peluang peningkatan kerjaya yang lebih besar (Mustafa *et al.*, 2024). Oleh itu, perbezaan peluang ekonomi antara kawasan menjadi salah satu faktor penting dalam memahami corak migrasi belia.

Walau bagaimanapun, keputusan migrasi belia pada masa kini tidak lagi hanya bergantung kepada faktor ekonomi semata-mata. Perubahan gaya hidup dan keutamaan generasi muda telah memperluaskan pertimbangan migrasi kepada aspek kualiti hidup, keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan peribadi, kesejahteraan psikologi serta keselesaan persekitaran. Golongan belia semakin melihat tempat tinggal bukan sekadar sebagai lokasi untuk bekerja, tetapi sebagai ruang untuk membina kehidupan, hubungan sosial dan pengalaman peribadi. Oleh itu, faktor persekitaran, kemudahan sosial dan suasana tempat turut memainkan peranan dalam membentuk keputusan seseorang untuk kekal atau berpindah.

Selain faktor ekonomi dan sosial, hubungan individu dengan sesuatu tempat juga boleh mempengaruhi kecenderungan migrasi. Sesebuah kawasan yang mempunyai identiti tempat yang kuat, persekitaran yang selesa dan nilai budaya yang dihargai berpotensi mewujudkan rasa keterikatan dalam kalangan penduduknya. Rasa keterikatan ini boleh mempengaruhi keinginan seseorang untuk terus menetap walaupun terdapat cabaran dari aspek ekonomi atau peluang pekerjaan. Sebaliknya, kelemahan dalam membentuk hubungan positif dengan sesuatu tempat boleh menyebabkan seseorang lebih mudah memilih untuk berhijrah ke kawasan lain. Justeru, pemahaman terhadap migrasi belia perlu mengambil kira bukan sahaja faktor ekonomi, tetapi juga faktor persepsi, pengalaman dan hubungan emosi dengan tempat. Dalam konteks Negeri Perlis, isu pengekalan belia mempunyai kaitan rapat dengan usaha pembangunan sosioekonomi negeri. Mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merupakan kelompok belia berpendidikan tinggi yang berpotensi menjadi sumber modal insan bagi pembangunan negeri pada masa hadapan. Pengalaman mereka tinggal dan menjalani kehidupan di Perlis membentuk persepsi terhadap imej, identiti serta kualiti persekitaran negeri tersebut. Persepsi ini berkemungkinan mempengaruhi kecenderungan mereka untuk terus menetap atau berhijrah selepas tamat pengajian. Oleh itu, kajian terhadap hubungan antara persepsi terhadap tempat dan kecenderungan migrasi belia penting bagi memahami faktor yang mempengaruhi pengekalan bakat muda dalam konteks pembangunan wilayah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya melalui reka bentuk kajian kes. Pendekatan ini dipilih kerana ia berupaya menggali makna, pandangan dan pengalaman subjektif belia. Penggunaan kaedah ini untuk memastikan kedalaman data deskriptif berkaitan persepsi visual dapat dihuraikan secara terperinci (Idris *et al.*, 2023).

Lokasi dan Pemilihan Informan

Lokasi kajian ini tertumpu di Negeri Perlis dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dipilih sebagai lokasi utama pengumpulan data. Pemilihan Perlis sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan ciri unik negeri tersebut yang mempunyai identiti visual, latar budaya dan persekitaran sosioekonomi yang berbeza daripada negeri-negeri lain di Malaysia. Sebagai

sebuah negeri yang bersaiz kecil dengan struktur pembangunan yang lebih sederhana, Perlis menyediakan konteks yang sesuai untuk memahami hubungan antara persepsi terhadap tempat, identiti negeri dan kecenderungan migrasi dalam kalangan belia. Selain itu, kewujudan institusi pengajian tinggi seperti UniMAP menjadikan Perlis sebagai ruang interaksi antara penduduk tempatan dan golongan belia dari pelbagai latar belakang.

UniMAP dipilih sebagai pusat pensampelan kerana universiti ini menghimpunkan mahasiswa yang telah melalui pengalaman menetap dan menjalani kehidupan harian dalam persekitaran Negeri Perlis. Sepanjang tempoh pengajian, mahasiswa terdedah kepada landskap fizikal, budaya masyarakat, kemudahan sosial dan suasana kehidupan di negeri tersebut. Pengalaman ini membolehkan mereka membentuk persepsi terhadap imej dan identiti Perlis berdasarkan interaksi langsung dengan persekitaran. Oleh itu, mahasiswa UniMAP dianggap sebagai informan yang sesuai untuk meneroka bagaimana pengalaman terhadap sesuatu tempat mempengaruhi pandangan mereka terhadap kemungkinan untuk terus menetap atau berhijrah selepas tamat pengajian.

Pemilihan informan dalam kajian ini melibatkan pelajar tahun akhir program sarjana muda yang berumur antara 23 hingga 25 tahun. Kriteria ini dipilih kerana pelajar tahun akhir berada pada fasa peralihan daripada alam pendidikan tinggi kepada alam pekerjaan, iaitu tempoh ketika mereka mula membuat pertimbangan berkaitan perancangan masa depan dan lokasi kehidupan selepas tamat pengajian. Selain itu, informan yang dipilih mestilah telah menetap di Perlis sekurang-kurangnya selama tiga tahun bagi memastikan mereka mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam mengenali persekitaran, budaya dan kehidupan sosial negeri tersebut.

Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan bagi memilih informan yang memenuhi kriteria kajian. Teknik ini sesuai digunakan dalam penyelidikan kualitatif kerana pemilihan informan dibuat berdasarkan keupayaan mereka memberikan maklumat yang relevan dengan persoalan kajian. Seramai 12 orang informan dipilih dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang program pengajian bagi mendapatkan variasi pandangan dan pengalaman. Kepelbagaian tersebut membolehkan kajian memahami perbezaan persepsi mahasiswa terhadap imej Negeri Perlis, identiti tempat serta faktor yang mempengaruhi kecenderungan mereka untuk kekal atau berhijrah selepas tamat pengajian.

Prosedur Pengumpulan Data (Kaedah Rangsangan Imej)

Pengumpulan data dilaksanakan melalui dua instrumen utama iaitu melibatkan temu bual separa berstruktur mendalam dan kaedah rangsangan imej (Idris *et al.*, 2018). Semasa sesi temu bual, penyelidik memaparkan lapan keping gambar beresolusi tinggi yang mewakili imej kontras Negeri Perlis seperti pemandangan bukit-bukau, gua batu kapur, sawah padi, ladang harumanis, Nat Pohon Getah, Empangan Timah Tasoh, Jeti Kuala Perlis dan pusat di Padang Besar. Informan diminta menyatakan naratif, emosi dan ingatan mereka terhadap visual tersebut sebelum disusuli dengan soalan berkaitan perancangan kerjaya dan keputusan untuk berhijrah atau kekal di Perlis.

Proses Analisis Data dan Etika

Data yang diperoleh melalui sesi temu bual bersama informan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Rakaman audio temu bual terlebih dahulu ditranskripsi secara verbatim bagi memastikan setiap maklumat, pandangan dan pengalaman yang dikongsikan oleh informan dapat direkodkan dengan tepat. Proses transkripsi ini penting bagi mengekalkan makna asal daripada pengalaman informan tanpa mengubah maksud yang ingin disampaikan. Setelah proses transkripsi selesai, data temu bual dibaca secara menyeluruh bagi mendapatkan pemahaman awal terhadap kandungan data. Pembacaan

berulang dilakukan untuk mengenal pasti pola, persamaan dan perbezaan pandangan yang muncul daripada setiap informan.

Analisis data kajian ini menggunakan pendekatan analisis tematik yang diperkenalkan oleh Braun dan Clarke. Kaedah ini dipilih kerana sesuai untuk mengenal pasti, menganalisis dan menghuraikan tema berdasarkan pengalaman serta persepsi individu terhadap sesuatu fenomena. Analisis tematik membolehkan penyelidik memahami makna yang terkandung dalam data kualitatif secara lebih sistematik. Proses analisis melibatkan beberapa peringkat utama iaitu pembiasaan dengan data, pembentukan kod awal, pencarian tema, semakan tema, pentakrifan tema dan penghasilan laporan akhir. Setiap peringkat dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan tema yang dikenal pasti benar-benar berkaitan dengan objektif kajian.

Pada peringkat awal analisis, transkrip temu bual diteliti untuk mengenal pasti unit makna yang berkaitan dengan persoalan kajian. Kod awal dibangunkan berdasarkan pernyataan penting yang menunjukkan pandangan informan berkaitan imej Negeri Perlis, identiti tempat dan kecenderungan untuk kekal atau berhijrah selepas tamat pengajian. Kod-kod yang mempunyai persamaan kemudiannya dikelompokkan kepada kategori yang lebih luas bagi membentuk tema kajian. Proses ini membantu penyelidik mengenal pasti hubungan antara pengalaman mahasiswa dengan persepsi mereka terhadap persekitaran dan identiti negeri.

Seterusnya, tema yang dikenal pasti akan melalui proses semakan bagi memastikan kesesuaiannya dengan keseluruhan data temu bual dan objektif kajian. Tema yang mempunyai pertindihan atau kurang berkaitan akan diperhalusi atau digabungkan bagi menghasilkan tema akhir yang lebih jelas. Pentafsiran tema dilakukan dengan memberi perhatian kepada konteks pengalaman informan sebagai mahasiswa yang telah menetap di Perlis sepanjang tempoh pengajian. Hasil analisis ini kemudiannya digunakan untuk menjelaskan bagaimana pengalaman terhadap imej dan identiti tempat mempengaruhi pandangan mereka terhadap keputusan untuk terus menetap atau berhijrah.

Dari aspek etika penyelidikan, kajian ini memberi perhatian terhadap perlindungan hak dan kebajikan informan sepanjang proses pengumpulan data. Sebelum sesi temu bual dijalankan, setiap informan diberikan penerangan berkaitan tujuan kajian, prosedur temu bual dan hak mereka untuk menarik diri daripada penyertaan. Borang persetujuan termaklum diedarkan dan diperoleh sebelum penglibatan informan dalam kajian. Kerahsiaan maklumat peribadi informan turut dipelihara dengan menggantikan nama sebenar menggunakan kod seperti Informan 1 hingga Informan 12. Langkah ini bertujuan memastikan privasi informan terjamin serta mematuhi prinsip etika dalam penyelidikan kualitatif.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis tematik yang dijalankan, empat tema utama telah dikenal pasti bagi menjawab objektif kajian berkaitan peranan budaya visual dalam membentuk persepsi belia terhadap imej dan identiti Negeri Perlis serta kecenderungan mereka untuk kekal atau berhijrah selepas tamat pengajian.

Jadual 3.1 Rumusan Tema Utama dan Subtema Berdasarkan Analisis Tematik

Bil.	Tema Utama	Subtema
1.	Perlis sebagai ruang identiti dan rasa kepunyaan	• Keterikatan emosi terhadap persekitaran tempat • Hubungan sosial dan keakraban komuniti
2.	Imej visual Perlis melalui perspektif belia	• Nilai estetika landskap semula jadi (sawah padi, bukit dan gua batu kapur) • Simbol dan identiti tempatan (Harumanis dan ekopelancongan)
3.	Antara ketenangan hidup dan peluang masa hadapan	• Konflik pertimbangan graduan dalam menentukan lokasi kehidupan • Keseimbangan antara gaya hidup tenang dan peluang pembangunan bandar
4.	Faktor penentu kecenderungan untuk kekal atau berhijrah	• Prospek kerjaya, peluang industri dan keusahawanan • Aspirasi pembangunan sosioekonomi peribadi

Tema 1: Perlis sebagai Ruang Identiti dan Rasa Kepunyaan

Pengalaman menetap di Perlis sepanjang tempoh pengajian memainkan peranan penting dalam membentuk rasa kepunyaan informan terhadap negeri tersebut. Walaupun majoriti informan bukan berasal dari Perlis, tempoh kehidupan selama tiga hingga empat tahun telah memberi peluang kepada mereka untuk mengenali persekitaran fizikal, budaya masyarakat dan suasana kehidupan setempat. Proses penyesuaian ini secara beransur-ansur membentuk hubungan emosi antara informan dengan tempat yang didiami. Perlis tidak lagi dilihat hanya sebagai lokasi untuk menuai ilmu, tetapi mula dianggap sebagai ruang yang mempunyai nilai peribadi dan pengalaman bermakna.

Berdasarkan analisis temu bual, elemen visual persekitaran seperti sawah padi yang luas, landskap semula jadi dan suasana kehidupan masyarakat tempatan menjadi antara faktor yang menyumbang kepada pembentukan hubungan tersebut. Informan menyatakan bahawa pemandangan harian di Perlis memberikan pengalaman visual yang berbeza berbanding kawasan asal mereka. Keadaan persekitaran yang lebih tenang dan tidak terlalu sibuk menjadikan mereka lebih menghargai suasana kehidupan di negeri ini. Pengalaman melihat dan berinteraksi dengan persekitaran tersebut membentuk persepsi bahawa Perlis merupakan tempat yang selesa untuk didiami.

Selain aspek fizikal, hubungan sosial dengan komuniti setempat turut memainkan peranan dalam membentuk rasa kepunyaan terhadap Perlis. Interaksi bersama masyarakat, pengalaman menyertai aktiviti setempat dan pemerhatian terhadap kehidupan harian penduduk menjadikan informan lebih dekat dengan identiti negeri tersebut. Hubungan sosial yang terbina membantu informan memahami bahawa sesuatu tempat bukan sahaja terbentuk melalui landskap fizikal, tetapi turut dipengaruhi oleh manusia dan pengalaman yang berlaku dalam ruang tersebut.

Hal ini dapat dilihat melalui pengalaman Informan 3 yang menyatakan bahawa imej kehidupan masyarakat di kawasan sawah memberikan kesan emosi kepadanya:

“Apabila melihat gambar orang memancing di tepi sawah ini, saya rasa tenang. Saya selalu melihat aktiviti komuniti di sini dan itu buat saya rasa tersentuh.”

Petikan tersebut menunjukkan bahawa imej visual yang berkaitan dengan kehidupan harian masyarakat mampu menghasilkan makna tertentu kepada individu. Bagi informan, pemandangan tersebut bukan sekadar gambaran fizikal sesuatu kawasan, tetapi mencerminkan suasana kehidupan yang tenang, hubungan komuniti dan pengalaman yang dekat dengan perasaan mereka.

Pengalaman menetap di Perlis memperlihatkan pembentukan hubungan emosi yang lebih mendalam antara informan dengan negeri tersebut. Pembentukan rasa kepunyaan ini berlaku melalui gabungan pengalaman visual, interaksi sosial dan kehidupan harian yang dilalui sepanjang tempoh pengajian. Perlis mula dilihat sebagai sebuah ruang yang mempunyai nilai peribadi, bukan sekadar tempat sementara sebelum tamat pengajian.

Tema 2: Imej Visual Perlis melalui Perspektif Belia

Elemen alam semula jadi merupakan antara komponen utama yang mempengaruhi pembentukan persepsi visual belia terhadap Negeri Perlis. Berdasarkan analisis temu bual, informan sering mengaitkan imej Perlis dengan landskap semula jadi seperti bukit batu kapur, kawasan sawah padi, tasik, kawasan pertanian dan persekitaran desa. Elemen-elemen tersebut dianggap mempunyai ciri visual yang tersendiri dan membezakan Perlis daripada negeri-negeri lain. Bagi informan, keunikan visual Perlis tidak bergantung kepada pembangunan fizikal moden, sebaliknya terbentuk melalui hubungan antara alam, budaya dan kehidupan masyarakat setempat.

Antara lokasi yang sering dikaitkan dengan imej Negeri Perlis ialah Bukit Chabang, Gua Kelam, Empangan Timah Tasoh, Nat Pohon Getah serta kawasan kebun harumanis. Tempat-tempat tersebut bukan sahaja dilihat sebagai lokasi menarik, tetapi turut menjadi simbol yang menggambarkan identiti negeri. Informan menyatakan bahawa imej landskap semula jadi ini memberikan gambaran tentang suasana Perlis yang lebih tenang, dekat dengan alam dan mempunyai nilai keunikan tersendiri. Pendedahan terhadap persekitaran tersebut sepanjang tempoh pengajian membantu informan membina gambaran mental tentang Perlis sebagai sebuah negeri yang mempunyai identiti visual yang jelas.

Selain aspek keindahan alam, informan turut melihat elemen budaya dan aktiviti masyarakat sebagai sebahagian daripada imej visual Perlis. Aktiviti seperti suasana di Nat Pohon Getah, kehidupan masyarakat luar bandar dan penghasilan produk tempatan seperti harumanis dilihat sebagai elemen yang mengukuhkan identiti negeri. Bagi informan, elemen-elemen tersebut memberikan gambaran bahawa Perlis mempunyai ciri tersendiri yang tidak mudah ditemui di kawasan lain. Identiti visual yang terbentuk bukan sahaja berdasarkan apa yang dilihat, tetapi turut dipengaruhi oleh pengalaman mereka berinteraksi dengan persekitaran tersebut.

Perkara ini dapat dilihat melalui pandangan Informan 5 yang menyatakan:

“Perlis ini ada identiti visual yang kuat. Tak perlukan bangunan pencakar langit untuk nampak megah. Imej bukit-bukau, gua batu kapur dan Nat Pohon Getah tu sendiri dah jadi identiti visual yang kuat di mata kami sebagai student.”

Petikan tersebut menunjukkan bahawa informan mentafsir keunikan Perlis melalui ciri-ciri visual yang berkaitan dengan alam dan kehidupan tempatan. Bagi mereka, nilai sesebuah tempat tidak semestinya bergantung kepada pembangunan bandar atau struktur moden, tetapi turut terbina melalui keaslian landskap dan pengalaman yang diberikan oleh persekitaran tersebut.

Pembentukan imej visual Perlis dipengaruhi oleh elemen alam semula jadi dan ciri tempatan yang dekat dengan pengalaman kehidupan belia. Landskap fizikal, simbol tempatan dan suasana kehidupan masyarakat menjadi elemen penting dalam membina persepsi informan terhadap identiti Negeri Perlis. Pengalaman visual yang dilalui sepanjang berada di Perlis menjadikan negeri ini mempunyai gambaran dan makna tersendiri dalam perspektif belia.

Tema 3: Antara Ketenangan Hidup dan Peluang Masa Depan

Pengalaman menetap di Perlis membentuk pertimbangan yang kompleks dalam kalangan informan apabila mereka memikirkan kehidupan selepas tamat pengajian. Sebahagian besar informan menghargai suasana kehidupan di Perlis yang lebih tenang, kurang sesak dan mempunyai persekitaran semula jadi yang dekat dengan kehidupan harian. Keadaan ini memberikan pengalaman hidup yang berbeza berbanding kawasan bandar yang lebih padat dan sibuk. Bagi informan, suasana persekitaran yang selesa memberi nilai positif dari aspek kesejahteraan diri dan kualiti hidup.

Namun begitu, penghargaan terhadap ketenangan hidup di Perlis berhadapan dengan pertimbangan terhadap keperluan ekonomi dan pembangunan kerjaya. Informan menyedari bahawa keputusan untuk menetap tidak hanya bergantung kepada keselesaan persekitaran, tetapi turut melibatkan faktor seperti peluang pekerjaan, perkembangan kerjaya dan kemudahan sokongan. Walaupun mereka mempunyai hubungan emosi yang positif dengan Perlis, keterbatasan peluang dalam bidang tertentu menyebabkan sebahagian informan mempertimbangkan pilihan untuk berhijrah ke kawasan yang menawarkan lebih banyak peluang.

Konflik antara keinginan untuk kekal dan keperluan untuk berhijrah memperlihatkan wujudnya pertimbangan rasional dalam kalangan belia ketika membuat keputusan berkaitan masa depan. Perlis dilihat sebagai tempat yang memberikan ketenangan dan keseimbangan kehidupan, tetapi bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sering dianggap menawarkan laluan kerjaya yang lebih luas. Oleh itu, keputusan migrasi bukan semata-mata disebabkan oleh penolakan terhadap tempat asal, tetapi merupakan hasil pertimbangan antara nilai kehidupan yang diingini dengan keperluan pembangunan diri.

Situasi ini dapat dilihat melalui pengalaman Informan 8 yang menyatakan:

“Kalau diikutkan hati yang cintakan ketenangan, saya nak terus menetap di Perlis dan bina hidup di sini. Tapi bila difikirkan tentang peluang pekerjaan dan fasiliti sokongan, saya terpaksa rasional dan pilih berhijrah ke Kuala Lumpur atau Pulau Pinang.”

Petikan tersebut menggambarkan dilema yang dialami oleh belia dalam menyeimbangkan aspek emosi dan keperluan praktikal. Perasaan selesa terhadap sesuatu tempat tidak semestinya menjamin keputusan untuk terus menetap sekiranya faktor ekonomi dan peluang masa depan tidak memenuhi keperluan mereka. Dalam konteks ini, pengalaman positif terhadap Perlis masih dipengaruhi oleh pertimbangan lain yang berkaitan dengan pembangunan kerjaya dan perancangan kehidupan jangka panjang.

Keputusan belia untuk kekal atau berhijrah terbentuk melalui proses pertimbangan yang merangkumi pelbagai dimensi sosial, ekonomi dan peribadi. Ketenangan persekitaran dan kualiti hidup menjadi nilai penting yang dihargai oleh informan, namun peluang ekonomi dan pembangunan kerjaya turut memainkan peranan besar dalam menentukan pilihan masa depan mereka.

Tema 4: Faktor Penentu Kecenderungan untuk Kekal atau Berhijrah

Keputusan untuk kekal atau berhijrah selepas tamat pengajian dipengaruhi oleh pelbagai pertimbangan, khususnya berkaitan peluang ekonomi dan pembangunan kerjaya. Sebahagian besar informan melihat ketersediaan peluang pekerjaan dalam sektor yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka sebagai faktor penting dalam menentukan lokasi kehidupan selepas tamat pengajian. Peluang pekerjaan yang lebih luas, struktur kerjaya yang lebih jelas dan potensi peningkatan pendapatan sering dikaitkan dengan kawasan bandar yang mempunyai perkembangan ekonomi lebih pesat. Keadaan ini menjadikan faktor ekonomi sebagai antara pertimbangan utama bagi informan yang memilih untuk berhijrah.

Walau bagaimanapun, tidak semua informan melihat Perlis sebagai negeri yang mempunyai peluang ekonomi yang terhad. Sebahagian informan, khususnya daripada latar belakang perniagaan dan komunikasi, melihat perkembangan teknologi digital sebagai ruang baharu untuk membina peluang ekonomi tanpa perlu berpindah ke bandar besar. Mereka berpendapat bahawa penggunaan platform digital, pemasaran dalam talian dan pembangunan jenama tempatan boleh membuka peluang keusahawanan yang lebih fleksibel. Pendekatan ini membolehkan mereka meneroka potensi ekonomi yang berasaskan sumber dan identiti tempatan.

Antara contoh yang sering dikaitkan oleh informan ialah potensi pengkomersialan produk tempatan seperti harumanis melalui strategi pemasaran digital. Bagi informan tertentu, identiti budaya dan keunikan produk tempatan bukan sahaja mempunyai nilai warisan, tetapi juga boleh menjadi sumber ekonomi sekiranya diurus secara kreatif. Pandangan ini menunjukkan bahawa faktor penentu keputusan migrasi bukan hanya bergantung kepada kewujudan industri besar, tetapi turut dipengaruhi oleh keupayaan individu melihat peluang dan membangunkan potensi yang terdapat di sesuatu tempat.

Perbezaan pandangan antara informan menunjukkan bahawa kecenderungan untuk kekal atau berhijrah berkait rapat dengan bidang pengajian, aspirasi kerjaya dan cara mereka mentafsir peluang yang tersedia di Perlis. Informan yang melihat potensi pembangunan ekonomi berasaskan teknologi dan sumber tempatan menunjukkan kecenderungan yang lebih positif untuk kekal. Sebaliknya, informan yang mengutamakan laluan kerjaya dalam sektor korporat atau industri tertentu lebih cenderung memilih penghijrahan ke kawasan yang menawarkan peluang lebih luas.

PERBINCANGAN

Hubungan belia dengan sesebuah tempat terbentuk melalui interaksi, pengalaman kehidupan dan makna yang diberikan terhadap persekitaran tersebut. Dalam konteks Negeri Perlis, tempoh pengajian yang dilalui oleh mahasiswa telah membentuk rasa kepunyaan terhadap negeri ini walaupun majoriti mereka bukan berasal dari Perlis. Hubungan emosi yang terbina melalui kehidupan harian, interaksi bersama komuniti dan pendedahan terhadap suasana setempat menunjukkan bahawa identiti tempat memainkan peranan dalam membentuk persepsi positif terhadap sesuatu kawasan. Hal ini memperlihatkan bahawa sesebuah negeri bukan sekadar ruang fizikal, tetapi turut menjadi ruang yang mempunyai nilai pengalaman, emosi dan makna peribadi kepada individu yang mendiaminya.

Selain itu, elemen budaya visual turut menjadi faktor penting dalam membentuk imej dan identiti Negeri Perlis dalam perspektif belia. Landskap seperti sawah padi, bukit batu kapur, kawasan pertanian dan simbol tempatan seperti harumanis memberikan gambaran visual yang tersendiri tentang negeri tersebut. Keunikan ini menunjukkan bahawa identiti sesebuah tempat tidak semestinya bergantung kepada pembangunan fizikal moden, tetapi turut terbina melalui hubungan antara alam, budaya dan kehidupan masyarakat. Dalam konteks ini,

pemeliharaan ciri visual tempatan mempunyai nilai penting kerana elemen tersebut menjadi sebahagian daripada pengalaman dan ingatan belia terhadap Perlis.

-

Walau bagaimanapun, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa keterikatan terhadap sesuatu tempat tidak semestinya menjamin keputusan belia untuk terus menetap. Walaupun informan menghargai ketenangan, keselesaan persekitaran dan kualiti hidup di Perlis, pertimbangan terhadap peluang pekerjaan, perkembangan kerjaya dan kemudahan sokongan masih menjadi faktor utama dalam membuat keputusan masa depan. Situasi ini memperlihatkan bahawa keputusan migrasi belia merupakan proses pertimbangan yang kompleks antara keinginan terhadap kehidupan yang lebih seimbang dengan keperluan untuk mencapai aspirasi ekonomi dan kerjaya. Oleh itu, usaha mengekalkan belia memerlukan pendekatan yang tidak hanya memberi perhatian kepada aspek fizikal tempat, tetapi juga kepada peluang pembangunan diri.

Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa pembangunan sosioekonomi Negeri Perlis perlu mengambil pendekatan yang menggabungkan pemodenan ekonomi dengan pemeliharaan identiti tempatan. Penyediaan peluang pekerjaan, pembangunan industri kreatif, keusahawanan digital dan pengembangan sektor berasaskan sumber tempatan seperti ekopelancongan boleh menjadi strategi untuk menarik serta mengekalkan penyertaan golongan belia. Pendekatan pembangunan yang mengekalkan ciri visual dan budaya tempatan berpotensi mewujudkan keseimbangan antara kemajuan ekonomi dengan kelestarian identiti tempat. Dalam hal ini, imej visual dan budaya tempatan bukan sahaja berperanan sebagai elemen warisan, tetapi juga boleh menjadi aset pembangunan yang menyumbang kepada daya tarikan dan daya tahan sesebuah wilayah.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti persepsi belia terhadap imej dan identiti Negeri Perlis serta hubungannya dengan kecenderungan untuk kekal atau berhijrah selepas tamat pengajian. Kajian ini memberi tumpuan kepada pengalaman mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang telah menetap di Perlis sepanjang tempoh pengajian. Pengalaman tersebut membentuk pandangan mereka terhadap persekitaran, budaya dan identiti negeri ini.

Hasil kajian menunjukkan bahawa imej visual Perlis banyak dipengaruhi oleh elemen alam semula jadi dan ciri tempatan. Landskap sawah padi, bukit batu kapur, kawasan pertanian dan kehidupan masyarakat setempat menjadi simbol yang membentuk identiti visual negeri. Elemen tersebut turut menyumbang kepada pembentukan rasa kepunyaan dalam kalangan belia. Perlis tidak hanya dilihat sebagai lokasi pengajian, tetapi sebagai ruang yang mempunyai nilai pengalaman dan emosi.

Walau bagaimanapun, hubungan positif terhadap sesuatu tempat tidak menjadi faktor tunggal dalam menentukan keputusan belia untuk kekal. Faktor peluang pekerjaan, perkembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi turut mempengaruhi pertimbangan mereka. Sebahagian belia menghargai ketenangan hidup di Perlis. Namun, mereka masih mempertimbangkan berhijrah bagi mendapatkan peluang masa depan yang lebih luas.

Kajian ini menunjukkan bahawa usaha mengekalkan bakat muda memerlukan pendekatan pembangunan yang seimbang. Pembangunan ekonomi perlu bergerak seiring dengan pemeliharaan identiti visual dan budaya tempatan. Peluang dalam bidang industri kreatif, keusahawanan digital dan ekonomi berasaskan sumber tempatan boleh menjadi alternatif kepada golongan belia. Pendekatan ini dapat membantu mewujudkan ruang pembangunan yang selari dengan ciri unik Negeri Perlis.

Kajian lanjutan boleh memberi perhatian kepada strategi pembangunan ekonomi kreatif berasaskan identiti tempat. Penelitian terhadap peranan teknologi digital dan keusahawanan belia juga penting bagi memahami potensi pengekalan bakat muda di kawasan luar bandar dan separa bandar. Usaha ini dapat menyumbang kepada pembangunan wilayah yang bukan sahaja berdaya saing, tetapi turut mengekalkan nilai budaya dan keunikan sesuatu tempat.

RUJUKAN

- Idris, M., Md Hashim, A., & Abdullah, F. (2018). Deficient representation of bamboos woven motifs and patterns in Malay architecture. In *eProceeding of International Conference on Islam and Global Issues 2018 (iCIGI2018)* (Vol. 1, No. 1, pp. 979–984). Universiti Teknologi MARA, Kelantan.
- Idris, M., & Marzuki, I. (2021). The influence of nature in the design of ‘Kelarai’ woven mat patterns produced by the Malay community in the East Coast of Malaysia. *AIP Conference Proceedings*, 2347(1), 020179.
- Idris, M., Ibrahim, M., & Rasul, R. M. (2023a). Comparison between the arts of Terengganu Malay Kelarai and Sarawak Iban Kelarai in woven mats. *New Design Ideas*, 7(2), 392–406.
- Idris, M., Ibrahim, M., Rasul, R. M., Yaacob, M. N., & Ismail, N. F. (2023b). Innovatively preserving the kelarai weave pattern design through photographic documentation. *International Journal of Business and Technology Management*, 5(S5), 395–406.
- Ibrahim, T. N., Hussin, Z., & Abdul Razak, A. Z. (2024). Faktor budaya dalam pembangunan bakat manusia menurut perspektif Islam: Satu tinjauan. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 11(1), 149–166.
- Man, M. A. F. C., & Isam, H. (2024). Keunikan laksa Perlis sebagai tarikan gastronomi pelancongan di Perlis: The uniqueness of Laksa Perlis as a gastronomic tourism attraction in Perlis. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 8(Special Issues).
- Mustafa, Z., Rusli, M. N., Ismail, W. R., Suradi, N. R. M., Zamzuri, Z. H., & Wahab, A. A. (2024). Kajian perbandingan model bandar pintar di beberapa bandar terpilih di Malaysia. *Journal of Quality Measurement and Analysis (JQMA)*, 20(2), 163–179.
- Siregar, J. P., Sari, K. E., & Mariami, I. (2022). Representasi dari faktor-faktor pembentuk identitas tempat pada Kampung Kemasan, Gresik. *Jurnal Pembangunan Wilayah dan Kota*, 18(1), 35–44.
- Sualman, I. (2024). Kesan peralihan demografi terhadap kebajikan sosial dan pasaran buruh: Perbincangan kumpulan fokus. *Journal of Media and Information Warfare (JMIW)*, 17(2), 176–190.
- Sahari, S. H., Budin, H., & Johari, A. (2025). Meneroka kesan keciciran pendidikan terhadap komuniti di Sarawak: Perspektif ekologi dan modal sosial. *Proceedings Borneo International Islamic Conference*, 16, 214–221. Majmuah Enterprise dan UiTM Sarawak.
- Musa, M. (2025). Transformasi agropelancongan: Daya tarikan baharu ekonomi tempatan di Perlis. *Epitome of Nature (EON)*.
- Omar, A., Hamid, M. Y., Mustapa, S. A. H. S., Zakaria, A. Z., & Bujang, M. H. (2026). Kajian arca ‘Menggenggam Keris’: Representasi identiti budaya melalui seni arca awam dalam konteks budaya Perak. *Ideology Journal*, 11(1).